

Sunway beli bangunan hospital tujuh tingkat, tanah RM430 juta

 bharian.com.my/bisnes/korporat/2022/12/1045677/sunway-beli-bangunan-hospital-tujuh-tingkat-tanah-rm430-juta



Sunway Medical Centre Sdn Bhd (SMCSB)

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Sunway Bhd, Sunway Medical Centre Sdn Bhd (SMCSB) membeli bangunan hospital tujuh tingkat yang dibina khas dan tanah bernilai RM430 juta.

Kumpulan itu berkata, SMCSB memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan RHB Trustees Bhd, sebagai pemegang amanah untuk Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT), untuk pembelian itu.

"Cadangan pembelian itu membabitkan pembelian tanah dan bangunan yang dikenali sebagai Menara A dan Menara B Pusat Perubatan Sunway, bersama-sama dengan kilang dan jentera, dan semua kelengkapan yang dilekatkan atau diletakkan atau digunakan di dalam bangunan itu.

"Hartanah itu kini dipajak dan digunakan oleh SMCSB untuk mengendalikan pusat perubatan," katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Sunway berkata, hartanah itu termasuk bangunan hospital tujuh tingkat yang dibina khas dengan bawah tingkat bawah bersambung dengan blok tempat letak kereta bertingkat serta pusat konvensyen.

Ia berkata, pembelian itu adalah sebahagian daripada rancangan Sunway Healthcare Group untuk merasionalisasi dan menyelaraskan keputusannya mengenai peningkatan perbelanjaan modal dan pemeliharaan nilai ke atas asetnya dengan memiliki pemilikan dan kawalan penuh.

"Selain itu, cadangan pembelian itu akan membolehkan SMCSB meningkatkan kecekapan operasi hospital dengan mempunyai lebih fleksibiliti dalam menguruskan kos operasi dan pembiayaannya.

"Dalam tempoh jangka panjang, ia dijangka melebihi pajakan jangka panjang," katanya.

Pembelian itu juga, katanya adalah sinergi dengan pengembangan kapasiti keseluruhan SMCSB dalam mengukuhkan kedudukan semasanya sebagai salah satu pusat perubatan terbesar di Malaysia.

"Ia dijangka mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat perubatan utama di bawah model 'hub-and-spoke' Sunway Healthcare Group dalam penyediaan penjagaan tertiar dan kuaternari.

"(Selain itu, ini akan) memenuhi jangkauan peningkatan permintaan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti pembedahan besar, rawatan penyakit perubatan yang kompleks dan peningkatan dalam pelancongan perubatan selepas pandemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa," katanya.

Sunway berkata, bahawa SMCSB sebelum ini menjual hartanah itu kepada Sunway REIT dengan jumlah pertimbangan jualan sebanyak RM310 juta pada 31 Disember 2012.

SMCSB juga memeterai perjanjian pajakan induk bertarikh 9 Oktober 2012, dengan Pemegang Amanah RHB (sebagai pemberi pajak) dan Sunway REIT Management Sdn Bhd (SRM) untuk tempoh 10 tahun yang bermula pada 31 Disember 2012, dan akan tamat pada 30 Disember 2022.

SMCSB ialah anak syarikat 99.99 peratus milik Sunway Healthcare Holdings Sdn Bhd, yang seterusnya usaha sama 90.26 peratus milik Sunway City Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Sunway.